

CCTV bantu atasi jenayah

u.m m/s 11 18 4 07

Oleh HAMDAN AHMAD

HAMPIR setiap hari kita dipaparkan dengan berita jenayah baik yang disiarkan oleh media cetak mahu pun media elektronik. Seolah-olah tidak lengkap hari kita jika tidak disulami dengan berita-berita kegiatan jenayah.

Kedua ini semestinya berbeza jika dibandingkan 30 tahun lalu di mana kadar kes jenayah yang dicatatkan agak rendah.

Di pihak kerajaan pelbagai langkah telah diambil untuk mengurangkan kes-kes jenayah yang semakin membimbangkan. Kerjasama pihak swasta turut ditingkatkan agar langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan memberikan kesan maksimum.

Penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) misalnya merupakan salah satu kaedah berkesan yang dilihat dapat menimbulkan rasa 'takut' di kalangan orang ramai untuk melakukan kegiatan jenayah.

Banyak negara di Eropah telah menggunakan CCTV bagi mengawasi pergerakan penduduknya dan bagi mengekang keganasan. United Kingdom (UK) secara khusus menggunakan secara meluas CCTV sebagai alat mengekang jenayah dan keganasan. Mengikuti beberapa penyelidik, sistem CCTV di UK telah membuat individu merasa takut hendak melakukan jenayah dan ia dikatakan berjaya mengekang jenayah. Hingga ke hari ini, terdapat kira-kira 800 program CCTV beroperasi di UK. Kerajaan British telah menyediakan geran berjumlah 22 juta pound setiap tahun bagi pembelian dan pemasangan CCTV.

Mengikuti satu kajian oleh YOUGOV untuk NTL Telewest Business, lebih daripada 80 peratus rakyat British menyokong penggunaan CCTV bagi mengekang jenayah di bandar-bandar dan juga usaha menjejaki kereta curi. Bagaimanapun mereka kurang bersetuju CCTV digunakan untuk menangkap pesalah jalan raya. Bukan sahaja di UK, di beberapa negara lain seperti Kanada, Perancis, Ireland, Rusia, Ireland dan Monaco juga turut menggunakan perkhidmatan CCTV demi menjaga keselama-

tan rakyat dan negara.

Di Perancis, intipan talian telefon dan intipan video elektronik adalah dilarang sekiranya digunakan bagi mencungkil maklumat mengenai kehidupan seks seseorang individu atau kewangan peribadi tetapi dibenarkan untuk intipan ke atas bisnes atau aktiviti politik. Disebabkan aktiviti pengganas sejak kebelakangan ini, kerajaan Perancis telah membenarkan penggunaan CCTV di kawasan awam, termasuk mengawasi jalan-jalan utama dan bandar dan kawasan awam bandar.

Di Ireland, CCTV telah digunakan oleh syarikat swasta semenjak pertengahan 1980 bagi mengawasi pejabat pos, gedung perniagaan, bank, bangunan-bangunan penting kerajaan dan kompleks membeli-belah. Di Sepanyol, ancaman pengganas menyebabkan pihak kerajaan mengambil tindakan keselamatan yang luar biasa, terutama sekali di kawasan pelancong.

Oleh kerana populariti CCTV meningkat, jualan komersial alat CCTV pada 1995 sahaja telah sampai ke tahap maksimum. Sebuah pengeluaran utama alat CCTV melaporkannya keuntungan bersih AS\$120 juta pada 1995 berbanding keuntungan hanya AS\$16 juta tahun sebelumnya. Mengikuti seorang pegawai keselamatan, bisnes di Amerika Syarikat (AS) sekarang telah membelanjakan hampir AS\$100 bilion setahun untuk produk keselamatan tinggi bagi mengimbangi kerugian AS\$200 bilion setahun akibat jenayah. Lebih daripada 50 peratus alat-alat CCTV dijual kepada pelanggan-pelanggan industri dan komersial.

Walaupun pada umumnya CCTV digunakan untuk menjaga keselamatan orang awam, kumpulan hak asasi manusia tidak menyokong penggunaannya secara meluas. Di AS, ada pihak merasa ragu-ragu tentang penggunaan CCTV kerana ia memberi *chilling effects* kepada rakyat negara berkenaan. Beberapa mahkamah di AS mendapati penggunaan CCTV merupakan salah satu cara yang dipanggil, *the most mentally disconcerting forms of monitoring performed by government*.

Di Malaysia pula, penggunaan CCTV



KAMERA litar tertutup yang membolehkan pengendalinya 'menjerit' ke arah orang ramai yang berkelakuan tidak senonoh digunakan secara meluas di England.

- AFP

Oleh kerana populariti CCTV meningkat, jualan komersial alat CCTV pada 1995 sahaja telah sampai ke tahap maksimum

masih belum lagi meluas penggunaannya tetapi kesedaran tentang keselamatan dari hari ke sehari kian bertambah. CCTV banyak digunakan di premis-premis seperti bank, bangunan/pejabat penting kerajaan, gudang-gudang, pasar raya besar, bahkan telah mula menular ke premis kecil seperti kedai runcit dan rumah-rumah persendirian.

Persoalan di sini, sama ada kita akan mempertingkatkan penggunaan CCTV di negara ini pada masa depan. Bagi pihak kerajaan, ia perlu mengambil tindakan proaktif yang dikaitkan dengan keselamatan dan bagi mengelak kerugian berjuta ringgit. Akta serta perundangan perlu ada dan dilaksanakan bagi mendefinisikan penggunaan CCTV secara berkesan. Pihak kerajaan perlu mengimbangi kepentingan 'privacy' individu dengan penguatkuasaan hak undang-undang dan kepentingan negara.

Pada dasarnya, penggunaan CCTV boleh diterima pakai sebagai alat penguatkuasaan undang-undang bagi mengawasi kawasan-kawasan awam, sekolah dan kawasan perumahan. Umumnya, data yang diperoleh dari video intipan CCTV telah terbukti berjaya dalam mengurangkan dan mengagalkan kegiatan jenayah dan juga dapat membantu mendakwa individu-individu yang ditangkap ketika melakukan jenayah. Kita tahu ada banyak cara untuk mengekang jenayah dan penggunaan CCTV adalah salah satu cara yang boleh dikatakan efektif dan praktikal.

PENULIS ialah Timbalan Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi Mara (UITM), Shah Alam.